

Melayu perlu kikis mentaliti lapuk mahu percuma

SINTOK 16 Jun - Masyarakat Melayu diingatkan supaya mengikis mentaliti lapuk yang mahukan kerajaan sentiasa memberikan sesuatu secara percuma kepada mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, masyarakat Melayu perlu menerima hakikat bahawa mereka perlu bersedia membayar untuk mendapatkan sesuatu kemudahan.

Katanya, ini sama seperti pinjaman walaupun sesuatu kemudahan itu se-

perti projek perumahan, dibiayai oleh kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh menanggung secara percuma kesemuanya, sebaliknya mereka perlu membayar di samping berusaha menambahkan pendapatan," katanya pada pada majlis penyerahan kunci kepada pembeli Projek Perumahan Kampung Tradisi Lembah Keriang di Jalan Sintok di sini, hari ini.

Beliau memberi contoh, ada pembeli rumah menganggap harga rumah kos rendah RM40,000 amat

tinggi, tetapi sebaliknya mereka mampu mengubahsuai rumah berkenaan hingga RM100,000 dan membeli kereta yang lebih mahal daripada harga rumah.

Sementara itu, projek perumahan kampung tradisi di Lembah Keriang dan Paya Pahlawan di Kubang Pasu itu dibina hasil adalah ilham Dr. Mahathir kira-kira 15 tahun lalu.

"Kita hendak seluruh negara memiliki projek rumah tradisi seumpama ini kerana pendapatan rakyat

telah pun meningkat dan mereka mampu tinggal di rumah yang lebih baik," katanya.

Projek kampung tradisi tersebut yang mempunyai 199 unit rumah dan 161 unit lagi di Kampung Paya Pahlawan dimajukan oleh Pedoman Semarak Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat Putrajaya Holdings Sdn. Bhd.

Rumah tiga bilik itu dijual pada harga antara RM39,919 dan RM43,445 seunit dan dikhaskan kepada penduduk kawasan

Kubang Pasu yang berpendapatan tidak lebih RM-2,000 sebulan.

Dr. Mahathir yang juga bekas ahli Parlimen Kubang Pasu menyatakan, rumah itu dapat dijual murah kerana kerajaan memberi subsidi sebanyak 75 peratus daripada kos pembinaan dan tanah.

"Kalau kita boleh membina projek rumah tradisi ini dengan harga yang rendah, mungkin lebih banyak projek yang serupa dapat dilaksanakan," katanya.